

# Pengurusan Kekayaan OCBC

Lembaran Maklumat Produk Deposit

## Akaun MoneyMax

**Product Name: Akaun OCBC MoneyMax**

**Apakah Akaun OCBC MoneyMax?**

Akaun simpanan berasaskan penyata yang membayar faedah bonus ke atas faedah bagi peningkatan baki.

1

<b>Kelayakan</b>	
<b>Umur</b>	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).
<b>Warganegara</b>	Dibuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).
<b>Dokumen yang Diperlukan</b>	Kad Pengenalan atau Pasport.
<b>Simpanan Permulaan Minimum</b>	RM250
<b>Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun</b>	RM5 Sebarang transaksi yang menyebabkan baki tinggal kurang daripada baki minimum akan ditolak
<b>Kadar Faedah</b>	
<b>Pengiraan Faedah</b>	<p>Faedah dikira secara harian dan dikreditkan setiap separa tahun iaitu pada 30 Jun dan 31 Disember.</p> <p><b>Faedah Bonus:</b> Untuk memberi ganjaran dan menggalakkan simpanan, Akaun OCBC MoneyMax memberi anda ganjaran 5% faedah bonus ke atas faedah yang diperolehi pada sesuatu tahun bagi pelanggan yang menambahkan simpanan mereka sebanyak RM50,000 atau lebih pada tahun-tahun terdahulu berdasarkan baki pada 31 Disember.</p> <p>Bonus faedah akan dikreditkan kepada Akaun OCBC MoneyMax yang layak pada setiap 31 Disember.</p>
<b>Kadar Faedah</b>	Kadar faedah terkini boleh didapati di <a href="http://www.ocbc.com.my">www.ocbc.com.my</a> dan di cawangan-cawangan OCBC Bank. OCBC Bank berhak untuk menukar kadar faedah dan boleh melakukannya di cawangan, di laman web OCBC Bank dan dalam media massa.
<b>Perkhidmatan</b>	
<b>OCBC Online Banking</b>	<p>Lobi Perbankan Elektronik – eLobby</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ATM menyediakan pengeluaran tunai, pindahan baki, pertanyaan baki, permohonan buku cek dan banyak lagi. 24 jam sehari, 7 hari seminggu.</li> <li>ATM Masuk Tunai membolehkan anda memasukkan atau membayar wang tunai dengan atau tanpa kad Debit ke akaun OCBC anda sendiri atau akaun OCBC pihak ketiga.</li> <li>Mesin Kemasukan Cek memberikan cara mudah dan pantas untuk memasukkan cek ke dalam akaun-akaun OCBC.</li> </ul> <p>Perbankan Internet OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Akses akaun OCBC anda 24 jam sehari dengan selesa dari rumah atau pejabat anda. Daftar percuma dengan nombor Kad Debit atau Kredit dan PIN anda di <a href="http://www.ocbc.com.my">www.ocbc.com.my</a></li> </ul> <p>Perbankan Telefon OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan kepada pertanyaan perbankan anda kini hanya dengan satu panggilan sahaja. Pilih daripada menu layan diri atau bercakaplah dengan Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan kami dengan memanggil 03 8317 5000.</li> </ul>
<b>Pengeluaran Antara Cawangan</b>	Sehingga RM300,000 bagi setiap akaun sehari.



Akaun MoneyMax

<b>Arahan Tetap (Standing Instruction)</b>	Daftarlah untuk arahan tetap bagi pembayaran bil-bil rutin anda.				
<b>Ciri-ciri dan Manfaat</b>					
<b>Kemudahan Alih Pindah</b>	Nikmati kemudahan alih pindah daripada Akaun MoneyMax kepada akaun semasa anda.				
<b>Penyata Akaun</b>	Uruskan dana dengan lebih mudah dengan menggunakan e-penyata yang boleh didapatkan melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan. Bagi setiap permohonan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.				
<b>Perlindungan Simpanan</b>	Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.  Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari <a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a>				
<b>Pengendalian Akaun Dorman</b>	Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman di bawah Garis Panduan Rangkakerja Perkhidmatan Perbankan Asas oleh Bank Negara Malaysia. <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px; vertical-align: top;">Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td><td style="padding: 5px; vertical-align: top;">Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px; vertical-align: top;">Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td><td style="padding: 5px; vertical-align: top;">Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".</td></tr> </table> Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan sendiri.	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".				
<b>Polisi Wang yang Tak Dituntut</b>	Sila ambil perhatian bahawa mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.				

<b>Pengendalian Akaun Semasa</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun bersama (“Akaun”) boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih, yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan dengan setiap permohonan.</li> <li>• Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun.</li> <li>• Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatkan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Bank) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama.</li> <li>• Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan.</li> <li>• Jika OCBC Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandate yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama.</li> <li>• Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Bank layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Bank layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.</li> <li>• OCBC Bank boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Bank yang dipenuhi.</li> </ul>
----------------------------------	--

#### Ringkasan Yuran dan Caj

<b>Penutupan Awal</b>	
• Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan	RM20
<b>Caj Perkhidmatan Akaun Bulanan</b>	
• Jika gabungan baki purata bulanan bagi akaun simpanan dan semasa di bawah RM5,000	<p>RM5.00 Caj ini dikecualikan sekiranya pelanggan mempunyai mana-mana produk OCBC yang sedia ada seperti: Unit Amanah Saham, Kad Kredit, Pinjaman atau Overdraft, Akaun Semasa Mata Wang Asing dan produk Banksurans.</p>
<b>Akaun Dorman</b>	
Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir	<p>Akaun dengan baki sehingga RM10.00: Baki akan diserap dan akaun akan ditutup.</p> <p>Akaun dengan baki melebihi RM10.00: RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai “Wang Yang Tak Dituntut”.</p>

Kad Debit	
• Yuran Pendaftaran (Yuran sekali bayar)	RM8.00
• Yuran Tahunan	RM8.00 setahun
<b>Perkhidmatan Pengeluaran Tunai</b>	
• Pengeluaran dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo MasterCard	RM10.00
• Pengeluaran dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian MEPS	Sehingga RM1.00* untuk setiap transaksi (ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM)
• Pengeluaran dari ATM HSBC, UOB, Standard Chartered Bank (dalam Malaysia)	RM1.00
• Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia	Tiada Caj
Pemindahan Segera MEPS menerusi ATM MEPS	Tiada caj (untuk transaksi berjumlah RM5,000 dan ke bawah); Yuran ditentukan oleh institusi kewangan yang menyediakan kemudahan ATM (bagi transaksi berjumlah RM5,000 ke atas)
Pemindahan Segera MEPS dari ATM OCBC	Tiada caj
Yuran Penggantian Kad	RM12.00
Yuran Dapatan Semula Resit Jualan	RM15.00 untuk salinan asli RM8.00 untuk salinan kedua
Yuran Tukaran Luar Negara	Kadar Tukaran sepetimana ditetapkan oleh VISA, MasterCard atau AMEX, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang dikenakan oleh VISA, MasterCard atau AMEX
Yuran dan Caj-caj Lain	Sila rujuk <a href="http://www.ocbc.com.my/fees">www.ocbc.com.my/fees</a> untuk yuran dan caj-caj lain

**Maklumat Perhubungan**

<b>OCBC Bank (Malaysia) Berhad</b>	<p>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami di 03 8317 5000 atau layari laman web kami di <a href="http://www.ocbc.com.my">www.ocbc.com.my</a> atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berhampiran anda.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut:</p> <p style="text-align: center;"><b>Service Transformation Department</b></p> <p style="text-align: center;">OCBC Bank (Malaysia) Berhad Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan boleh dihubungi di 03 2272 2811; emel <a href="mailto:enquiry@ofs.org.my">enquiry@ofs.org.my</a> atau Bank Negara Malaysia di 1300 88 5465; emel <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a></p>
<b>Bank Negara Malaysia</b>	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <a href="http://www.bankinginfo.com.my">www.bankinginfo.com.my</a></li><li>• <a href="http://www.insuranceinfo.com.my">www.insuranceinfo.com.my</a></li></ul> <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK di 1300 88 5465.</p>
<b>Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)</b>	<p>Hubungi talian hotline di 1800 88 1266. Boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat, mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang atau emel kepada <a href="mailto:info@pidm.gov.my">info@pidm.gov.my</a></p>

Kenyataan: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun OCBC MoneyMax** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank - Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my). Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu